

TARIKH	JUMAAT, 7 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PENJAWAT AWAM TERTAKLUK PERATURAN SEDIA ADA
M/S	3
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

# Penjawat awam tertakluk peraturan sedia ada

Individu terpalit kesalahan babit kewangan berdepan tindakan tegas

Oleh Suzalina Halid dan K Mohana Priya  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mana-mana penjawat awam yang terpalit dengan isu membabitkan kewangan adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang sedia ada yang ditetapkan kerajaan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata jika penjawat awam terbukti melakukan kesalahan mengikut peruntukan perundangan dan akta sedia ada, mereka turut melakukan kesalahan berdasarkan peraturan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau berkata, ini kerana JPA setakat ini tidak mempunyai peraturan yang memperincikan mana-mana kesalahan berkaitan

kewangan secara khusus.

"Ia bukan (di bawah) JPA sahaja, JPA sendiri perlu merujuk kepada undang-undang sedia ada. Bagi penjawat awam, kita berpandukan kepada undang-undang, peraturan dan akta tertentu yang ada.

"Ada peraturan dan akta tertentu juga dalam perkhidmatan awam namun kita tidaklah memperincikan (mana-mana kesalahan).

"Justeru, jika seseorang itu menyalahi undang-undang yang ada, maka salahlah (penjawat awam) itu," katanya kepada pemberita selepas majlis penganugerahan pingat *Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star* daripada Maharaja Jepun kepadanya, di sini, semalam.

Penganugerahan itu disempurnakan oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia, Katsuhiko Takahashi.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) kelmarin, yang berpuas hati dengan penjelasan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Azam Baki yang beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam pemilikan saham yang

didakwa dimilikinya.

Pengerusi LPPR, Tan Sri Abu Zahar Ujang berkata, panel lembaga itu memanggil Azam pada 24 November lalu untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu itu yang tular di media sosial dan menimbulkan persepsi negatif kepada SPRM.

Mengulas lanjut, Mohd Khairul Adib berkata, negara mempunyai pelbagai undang-undang peraturan kewangan sedia ada termasuk Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan (BAFIA).

Beliau berkata, adalah penting setiap penjawat awam mematuhi undang-undang yang ada di negara ini.

Sementara itu, kumpulan bekas penjawat awam G25 mengesyorkan supaya isu berkaitan pemilikan saham membabitkan Azam dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen bagi memastikan siasatan penuh dapat dilakukan.

Ini kerana menurut G25, isu ini kini membabitkan kepentingan awam selain terdapat banyak perkara yang perlu dijelaskan.

"Selain itu, keterangan Azam serta ahli lembaga penasihat atau jawatankuasa lain akan



Penjawat awam perlu bekerja dengan amanah dan mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelak dikenakan tindakan undang-undang.

(Foto hiasan)

membantu dalam menentukan pihak sewajarnya untuk memberi nasihat, sama ada ia adalah sah dan wajar," katanya.

Timbalan Presiden GERAKAN, Oh Tong Keong pula menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengambil tindakan keras terhadap Azam susulan penjelasannya mengenai dakwaan pemilikan saham, tidak diterima rakyat.

Desakan sama disuarakan Parti Muda supaya dakwaan membabitkan Azam disiasat sebuah

badan bebas yang dikawal selia di bawah Parlimen demi menjaga nama baik agensi itu.

Jawatankuasa Eksekutif Pusat MUDA, berkata penjelasan yang dibuat LPPPR kelmarin amat mengecewakan dan ia bertentangan dengan Pekeliling Perkhidmatan bagi pemilikan dan pengisytiharan harta oleh penjawat awam serta di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA)," kata parti itu dalam kenyataannya, semalam.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM